

PENYATA PENGERUSI

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

PERSEKITARAN OPERASI

Pada 2014, aktiviti ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana walaupun agak tidak sekata di semua ekonomi utama. Ekonomi Asia pada amnya dipacu oleh permintaan domestik dan eksport dengan kadar inflasi rendah kerana penurunan harga tenaga. Sejalan dengan itu, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 6.0% (2013: 4.7%) pada 2014, berlandaskan permintaan sektor swasta yang mantap dan pertumbuhan eksport bersih.

Pada tahun lepas, industri Insurans Hayat dan Takaful Keluarga Malaysia berkembang pada kadar sederhana, dengan jumlah pendapatan premium/sumbangan bersih, meningkat sebanyak 7.4% (2013: 5.7%) kepada RM33.6 bilion (2013: RM31.3 bilion), disokong oleh pertumbuhan kukuh berterusan dalam perniagaan berkaitan pelaburan yang merangkumi 42% (2013: 39%) daripada premium/sumbangan perniagaan baru. Dalam pada itu, industri Insurans Am dan Takaful Malaysia mencatatkan pertumbuhan 7.5% (2013: 11.0%) dari segi pendapatan premium/sumbangan kepada RM16.3 bilion (2013: RM15.2 bilion), disokong jualan kenderaan motor yang mampan.

ULASAN PRESTASI

Seperti yang didedahkan dalam bahagian seterusnya, Maklumat Terkini Tentang Cadangan Korporat Terbaru, anak syarikat Kumpulan yang telah dilupuskan, iaitu Malaysian Assurance Alliance Berhad ("MAA Assurance") (kini dikenali sebagai Zurich Insurance Malaysia Berhad - ZIMB) yang mana telah dijual kepada Zurich Insurance Company Ltd ("Zurich") dan MAAKL Mutuall Bhd ("MAAKL Mutuall") (kini dikenali sebagai Manulife Asset Management Services Berhad), telah diklasifikasikan sebagai "Operasi Dihentikan" dalam penyata kewangan berasaskan piawaian perakaunan diluluskan yang diguna pakai.

Jumlah Hasil

Pada tahun yang dilaporkan, Jumlah Hasil Kumpulan menyusut sedikit sebanyak 0.4% kepada RM539.2 juta (2013: RM541.5 juta). Daripada jumlah itu, Operasi Berterusan mencatatkan kenaikan 19.2% kepada RM518.7 juta (2013: RM435.0 juta) manakala Operasi Dihentikan mencatatkan pengurangan 80.8% kepada RM20.5 juta (2013: RM106.5 juta). Pada 2013, Jumlah Hasil Operasi Dihentikan termasuk hasil daripada anak syarikat yang dilupuskan, MAAKL Mutuall dan untung atas pelupusannya.

Di bawah segmen perniagaan Insurans Konvensional, Bahagian Insurans Am mencatatkan pengurangan ketara Jumlah Premium Diraih Kasar sebanyak RM0.1 juta (2013: RM28.2 juta), yang diambil kira secara keseluruhannya daripada operasi berterusan Kumpulan di Indonesia. Premium diraih kasar adalah lebih rendah pada tahun yang dilaporkan disebabkan oleh kesan perniagaan bakian terhadap operasi tersebut yang bermula pada 2013.

Di bawah Perniagaan Takaful, kedua-dua Bahagian Takaful Am dan Takaful Keluarga mencatatkan Sumbangan Diraih Kasar lebih tinggi berjumlah RM286.8 juta (2013: RM215.8 juta) dan RM367.6 juta (2013: RM258.2 juta) masing-masing.

Dana Pemegang Saham Kumpulan mencatatkan Jumlah Hasil RM220.2 juta (2013: RM318.2 juta). Operasi Berterusan mencatatkan pengurangan 5.7% kepada RM199.7 juta (2013: RM211.7 juta) manakala Operasi Dihentikan mengalami penyusutan 80.8% kepada RM20.5 juta (2013: RM106.5 juta). Jumlah Hasil yang lebih tinggi daripada Operasi Dihentikan pada 2013 adalah terutamanya daripada MAAKL Mutuall.

Untung / Rugi Sebelum Cukai

Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai ("USC") lebih tinggi berjumlah RM19.2 juta bagi tahun yang dilaporkan (2013: USC RM8.9 juta). Operasi Berterusan mencatatkan Rugi Sebelum Cukai ("RSC") lebih rendah berjumlah RM1.1 juta (2013: RSC RM9.6 juta) manakala Operasi Dihentikan mencatatkan USC lebih tinggi berjumlah RM20.3 juta (2013: USC RM18.5 juta).

Dalam segmen Insurans Konvensional, Bahagian Insurans Am yang terdiri sepenuhnya daripada operasi Indonesia telah pulih untuk mencatatkan USC lebih tinggi berjumlah RM17.0 juta (2013: RSC RM28.1 juta). Sementara itu, Bahagian Insurans Hayat yang merangkumi operasi insurans luar pesisir berpangkalan di Labuan mencatatkan USC RM183,000 (2013: RSC RM1.0 juta).

Dalam perniagaan Takaful, Bahagian Takaful Am mencatatkan RSC berjumlah RM0.6 juta (2013: USC RM1.6 juta). Dalam pada itu, Bahagian Takaful Keluarga juga mencatatkan RSC berjumlah RM11.3 juta (2013: Sifar) disebabkan oleh defisit dalam dana risiko takaful tidak berkaitan pelaburan yang berpunca daripada keperluan rizab lebih tinggi bagi portfolio perubatan. Ini telah diimbangi oleh pemindahan lebih berjumlah RM11.0 juta (2013: RM7.3 juta) kepada Dana Pemegang Saham daripada dana risiko takaful berkaitan pelaburan.

Dana Pemegang Saham mencatatkan USC lebih rendah berjumlah RM14.0 juta (2013: USC RM36.4 juta) selepas mengambil kira lebih RM11.0 juta (2013: RM7.3 juta) yang dipindahkan daripada Dana Takaful Keluarga. Operasi Berterusan mencatatkan RSC RM6.3 juta (2013: USC RM17.9 juta) dan Operasi Dihentikan mencatatkan USC RM20.3 juta (2013: USC RM18.5 juta).

PENYATA PENERUSI (bersambung)



**TUNKU DATO' YA'ACOB
BIN TUNKU TAN SRI ABDULLAH**
Pengerusi Eksekutif

Kerugian daripada Operasi Berterusan bagi 2014 timbul terutamanya daripada perbelanjaan pengurusan dan komisen lebih tinggi yang ditanggung oleh MAA Takaful Berhad, kerugian yang dicatatkan oleh MAA Cards Sdn Bhd dan hutang lapuk yang diperuntukkan oleh MAA Credit Berhad. Untung yang dicatatkan pada 2013 disumbangkan oleh untung nilai saksama bersih sebanyak RM12.7 juta yang diiktiraf daripada bon yang dipindahkan daripada ZIMB di bawah syarat perjanjian penyelesaian pertama dengan Zurich, masuk kira semula kerugian rosot nilai yang dibuat sebelum ini atas pelaburan dalam syarikat bersekutu dan untung nilai saksama terealisasi bersih yang lebih tinggi daripada pelaburan.

Bagi Operasi Dihentikan, keuntungan pada 2014 disumbangkan terutamanya oleh masuk kira semula RM12.5 juta menurut pelaksanaan perjanjian penyelesaian kedua dengan Zurich dan keuntungan RM7.6 juta daripada pelupusan anak syarikat. Keuntungan yang diperolehi Operasi Dihentikan pada 2013 termasuk lebih keuntungan RM14.3 juta daripada pelupusan MAA Assurance, sumbangan USC sebanyak RM4.3 juta daripada MAAKL Mutual, serta untung berjumlah RM45.0 juta yang timbul daripada pelupusan syarikat tersebut. Bagaimanapun, ini diimbangi sebahagiannya oleh peruntukan RM45.0 juta yang dibuat terhadap Tuntutan Balas Zurich.

Pada 31 Disember 2014, Jumlah Aset Kumpulan berjumlah RM1.6 bilion (2013: RM1.4 bilion) dengan Pendapatan Sesaham ("EPS") sebanyak 5.5 sen (2013: 1.6 sen).

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

Bagi tahun yang dilaporkan, segmen operasi utama Kumpulan terdiri daripada:

- Perniagaan Takaful di Malaysia
- Insurans Antarabangsa
- Pembiayaan Gadai Janji di Australia

Butiran mengenai prestasi masing-masing dibincangkan secara berasingan dalam halaman yang dilampirkan.

DIVIDEN

Pada tahun yang dilaporkan, Syarikat membayar dividen interim pertama dan kedua sebanyak 3 sen sesaham di bawah sistem dividen satu peringkat berjumlah RM9.1 juta setiap satu pada 18 April 2014 dan 31 Julai 2014 masing-masing.

Pada 2 April 2015, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim pertama sebanyak 3 sen sesaham di bawah sistem dividen satu peringkat, bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

MAKLUMAT TERKINI TENTANG CADANGAN KORPORAT TERBARU

Kumpulan dengan sukacitanya memaklumkan tentang maklumat terkini berikut:

- (a) Pada 30 September 2013, Syarikat mengumumkan bahawa RM55.1 juta ditahan dalam akaun eskrow berkaitan dengan hasil jualan MAA Assurance kepada Zurich sehingga tuntutan tertunggak syarikat tersebut telah diselesaikan.

Tuntutan tertunggak ("Tuntutan Balas Zurich"), adalah berkaitan dengan dakwaan pelanggaran waranti dan indemniti di mana peruntukan sebanyak RM45 juta telah dibuat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Jumlah peruntukan tersebut adalah berasaskan rundingan penyelesaian berterusan antara kedua-dua pihak pada masa tersebut.

Pada 1 Ogos 2014, Syarikat telah membuat perjanjian penyelesaian kedua bagi menyelesaikan Tuntutan Balas Zurich yang antara lain termasuk syarat-syarat penting berikut:

- (i) Tanpa memperakui sebarang liabiliti atau kesalahan di mana-mana pihak, pihak-pihak yang terbabit bersetuju untuk menyelesaikan Tuntutan Balas Zurich menerusi pembayaran sebanyak RM32.5 juta kepada Zurich daripada akaun eskrow, dan baki wang eskrow berjumlah kira-kira RM23.9 juta pada 30 Julai 2014, termasuk faedah terakru ke atasnya (jika ada) hendaklah disalurkan kepada Syarikat.

PENYATA PENGERUSI

(bersambung)

- (ii) Berkuat kuasa dari tarikh ("Tarikh Penyelesaian") di mana pembayaran dibuat kepada Zurich dan Syarikat, pertikaian berkaitan Tuntutan Balas Zurich akan dianggap sebagai telah diselesaikan secara sepenuhnya dan muktamad.
- (iii) Berkuat kuasa dari Tarikh Penyelesaian, pihak-pihak yang terbabit bersetuju untuk menamatkan prosiding timbang tara berkaitan dengan Tuntutan Balas Zurich dan menanggung kos Pusat Penimbangtaraan Antarabangsa Singapura (SIAC) secara bersama.

Pada 29 Ogos 2014, Syarikat mengumumkan bahawa ia telah menamatkan prosiding timbang tara terhadap Zurich selepas kedua-dua pihak meluluskan perjanjian penyelesaian kedua.

- (b) Pada 30 September 2011, Syarikat telah diisytiharkan sebagai penerbit saham tersenarai yang terjejas menurut Nota Amalan 17 ("PN17") Keperluan Penyenaraian yang berkuat kuasa ke atas penerbit tersenarai yang telah menggantung atau menamatkan perniagaan utamanya, dalam kes ini, pelupusan MAA Assurance.

Syarikat tidak mencetuskan mana-mana kriteria lain yang ditetapkan bagi PN17 seperti ekuiti pemegang saham disatukan sebanyak 25% atau kurang daripada modal saham terbitan dan berbayar, kegagalan Kumpulan membuat pembayaran, pandangan negatif atau penafian oleh juruaudit terhadap akaun teraudit terkini Syarikat, dan lain-lain.

Sebagai penerbit saham tersenarai yang terjejas, Syarikat perlu mengumumkan butiran rancangan penyusunan semula menurut perenggan 4.1 PN17. Sejak November 2012, Syarikat telah membuat permohonan kepada Bursa Securities untuk lanjutan masa bagi mengemukakan rancangan penyusunan semula kerana ia masih sedang merangka rancangan tersebut.

Bursa Securities telah memberikan kelulusan bagi lanjutan masa dengan lanjutan terakhir ialah sehingga 31 Januari 2015, tertakluk kepada Pengumuman Ditetapkan dibuat menjelang 31 Disember 2014 ("Lanjutan Masa").

Lanjutan Masa ini tidak akan menjejaskan hak Bursa Securities untuk menggantung jual beli saham tersenarai Syarikat dan mengeluarkan Syarikat daripada senarai sekiranya:

- (i) Syarikat gagal membuat Pengumuman Ditetapkan pada atau sebelum 31 Disember 2014;
- (ii) Syarikat gagal mengemukakan rancangan penyusunan semula kepada pihak berkuasa kawal selia pada atau sebelum 31 Januari 2015;
- (iii) Syarikat gagal mendapatkan kelulusan kawal selia yang diperlukan bagi pelaksanaan rancangan penyusunan semula; dan
- (iv) Syarikat gagal melaksanakan rancangan penyusunan semula dalam tempoh masa dan tempoh masa lanjutan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kawal selia.

Jika berlaku mana-mana perkara yang dinyatakan dalam (i) hingga (iv) di atas, Bursa Securities akan menggantung jual beli saham tersenarai Syarikat pada hari pasaran seterusnya selepas lima (5) hari pasaran dari tarikh makluman penggantungan oleh Bursa Securities dan mengeluarkan Syarikat dari senarai, tertakluk kepada hak Syarikat untuk membuat rayuan agar tidak dikeluarkan daripada senarai.

Pada 30 Disember 2014, Syarikat mengumumkan rancangan penyusunan semula yang termasuk, antara lain, cadangan penyelesaian semua tanggungan dan liabiliti PT MAA General Assurance (PT MAAG) dan pelupusan/pembubaran syarikat yang seterusnya, cadangan langganan kepentingan ekuiti tambahan dalam syarikat bersekutu, Columbus Capital Pty Ltd ("CCAU") yang akan meningkatkan kepentingan ekuiti efektif Kumpulan dalam CCAU daripada 47.95% kepada 55%; dan cadangan memisahkan lesen tergabung MAA Takaful Berhad kepada dua (2) entiti berasingan.

Seterusnya pada 30 Januari 2015, Syarikat mengumumkan bahawa permohonan baru bagi lanjutan masa untuk mematuhi Perenggan 8.04(3) dan PN17 Keperluan Penyenaraian telah dikemukakan kepada Bursa Securities pada tarikh yang sama. Permohonan tersebut adalah bergantung kepada pertimbangan Bursa Securities dan satu pengumuman berkaitan keputusannya akan dikeluarkan dalam tempoh yang sewajarnya.

Pada 23 Mac 2015, Syarikat mengumumkan bahawa Bursa Securities, menerusi suratnya bertarikh 23 Mac 2015, telah memberikan lanjutan masa sehingga 30 Jun 2015 untuk Syarikat mengemukakan rancangan penyusunan semula ("Pemberian Lanjutan Masa").

Lanjutan Masa ini tidak menjejaskan hak Bursa Securities untuk terus menggantung jual beli saham tersenarai Syarikat dan mengeluarkan Syarikat daripada senarai sekiranya:

- (i) Syarikat gagal mengemukakan rancangan penyusunan semula kepada pihak berkuasa kawal selia pada atau sebelum 30 Jun 2015;
- (ii) Syarikat gagal mendapatkan kelulusan daripada mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang diperlukan bagi pelaksanaan rancangan penyusunan semula; dan
- (iii) Syarikat gagal untuk melaksanakan rancangan penyusunan semula di dalam tempoh masa atau tempoh masa lanjutan yang dinyatakan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia.

Jika berlaku mana-mana perkara yang dinyatakan dalam (i) hingga (iii) di atas, Bursa Securities akan menggantung jual beli saham tersenarai Syarikat pada hari pasaran seterusnya selepas lima (5) hari pasaran daripada tarikh makluman penggantungan oleh Bursa Securities dan mengeluarkan Syarikat daripada senarai, tertakluk kepada hak syarikat untuk membuat rayuan agar tidak dikeluarkan daripada senarai.

PENYATA PENERGERUSI (bersambung)

- (c) Pada 14 April 2014, MAA Corporation Sdn Bhd ("MAA Corp"), anak syarikat milik penuh Syarikat, telah memeterai perjanjian jualan saham ("SSA") dengan AEC College Pte Ltd ("AEC") untuk memperolehi ("Cadangan Pemerolehan") kepentingan 30% dalam Pusat Tuisyen Kasturi Sdn Bhd ("PTKSB") dan Keris Murni Sdn Bhd ("KMSB") untuk pertimbangan tunai berjumlah RM1.6 juta. Pertimbangan pembelian ditentukan atas dasar persetujuan antara pembeli dan penjual selepas mengambil kira untung selepas cukai agregat PTKSB dan KMSB berjumlah RM658,000 mengikut penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Baki kepentingan 70% dalam PTKSB dan KMSB dipegang oleh MAA Credit Berhad, anak syarikat milik penuh MAA Corp.

Cadangan Pemerolehan tersebut telah disempurnakan pada 21 April 2014 dan dengan demikian, PTKSB dan KMSB menjadi anak syarikat milik penuh Kumpulan.

- (d) Pada 3 Julai 2014, MAA Corp melupuskan seluruh kepentingan ekuiti dalam anak syarikat yang tidak aktif, iaitu, Chelsea Parking Services Sdn Bhd yang telah menamatkan operasi dengan pertimbangan tunai berjumlah RM10 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja) kepada pihak luar.
- (e) Pada 2 Oktober 2014, MAA Credit Berhad melupuskan seluruh kepentingan ekuiti yang dipegang dalam anak syarikat, Nilam Timur Sdn Bhd ("NTSB") untuk pertimbangan tunai berjumlah RM10 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja) bersama penjelasan tunai penuh dan muktamad sebanyak RM1.5 juta bagi pinjaman belum jelas yang perlu dibayar oleh NTSB kepada MAA Credit Berhad.
- (f) Pada 24 Disember 2014, MAA Corporate Advisory Sdn Bhd ("MAACA"), anak syarikat milik penuh MAA Corp telah memeterai Perjanjian Jualan Saham dengan Datuk Rashid bin Ghazalli untuk melupuskan kepentingan ekuiti 51% dalam MAACA Labuan Ltd ("MAACA Labuan"), dengan pertimbangan tunai berjumlah RM66,776 (Ringgit Malaysia: Enam Puluh Enam Ribu Tujuh Ratus dan Tujuh Puluh Enam Sahaja), yang ditentukan atas dasar saling setuju antara pembeli dan penjual selepas mengambil kira aset bersih MAACA Labuan pada 30 November 2014 dengan jumlah yang sama.

Selain daripada perkara yang dinyatakan di atas, tiada cadangan korporat lain yang telah diumumkan tetapi belum diselesaikan pada tarikh laporan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kumpulan sentiasa komited terhadap usaha untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan prihatin.

Meneruskan usaha pada tahun-tahun sebelumnya, Kumpulan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat terutamanya menerusi 'Dana Kebajikan Buah Pinggang MAA Medicare', yang kini ditukar namanya kepada 'Yayasan Kebajikan MAA Medicare'. Yayasan ini menyediakan khidmat dialisis dan penjagaan kesihatan berkualiti pada kos rawatan tersubsidi kepada pesakit buah pinggang dan ahli keluarga mereka di seluruh negara.

Kumpulan juga memainkan peranan aktif menyokong 'Yayasan Kebajikan Budimas' untuk mencapai matlamatnya membantu kanak-kanak kurang bernasib baik dan miskin dengan menubuhkan rumah kebajikan sendiri, menyalurkan bantuan kewangan kepada rumah kebajikan di bawah naungan dan menyediakan kemudahan pendidikan dan membuka perpustakaan di kawasan luar bandar dan perkampungan miskin di seluruh negara.

Maklumat mengenai aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan dibincangkan secara berasingan dalam halaman yang dilampirkan.

PERKEMBANGAN INDUSTRI

Bagi insurans hayat dan takaful keluarga, Bank Negara Malaysia ("BNM") telah menerbitkan satu kertas konsep tentang Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (Rangka Kerja "LIFT") pada November 2013 yang bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan saluran penyampaian dan menggalakkan penambahbaikan inovasi produk. Pada 2014, BNM telah berbincang secara menyeluruh dengan industri dan pihak berkepentingan lain mengenai pakej reformasi. Daripada perbincangan tersebut, BNM bakal melaksanakan Rangka Kerja LIFT mengikut fasa mulai 2015. Antara lain, langkah yang disusun merangkumi:

- Pelaksanaan saluran langsung dan penggabung produk untuk membolehkan pengguna membandingkan produk daripada pelbagai penyedia perkhidmatan dan membeli produk insurans hayat dan takaful keluarga menerusi saluran langsung seperti internet.
- Semakan rangka kerja peraturan yang mengawal selia penasihat kewangan untuk memberikan tahap fleksibiliti operasi lebih tinggi dan menambah senarai kelayakan yang diiktiraf bagi penasihat kewangan.
- Mengeneipkan had skim pembiayaan agensi dan menjajarkan struktur kos antara bankasurans/bankatakaful dan ejen korporat bagi produk bukan berkaitan pelaburan selain daripada produk perlindungan semata-mata.
- Memperkenalkan pendekatan kad markah seimbang untuk semua perantara dalam usaha meningkatkan tahap profesionalisme dan kualiti perkhidmatan, serta memastikan nasihat dan maklumat untuk pengguna dapat diberikan dengan berkesan.
- Liberalisasi struktur komisen bagi produk berkaitan pelaburan, termasuk memperkenalkan kadar peruntukan minimum demi menggalakkan inovasi produk.

PENYATA PENGERUSI

(bersambung)

Dalam sektor insurans am dan takaful, BNM meneruskan inisiatif di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baru dengan penambahbaikan ketara dicapai dalam hal penyelesaian tuntutan, selepas menubuhkan Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan dan penerbitan Panduan Tuntutan Motor pada 2013. BNM juga melaksanakan pusingan ketiga pelarasan premium motor di bawah proses pemansuhan tarif pada Februari 2014 untuk tiga (3) kelas kenderaan, iaitu kereta persendirian, motosikal dan bas ekspres, sebagai sebahagian daripada peralihan kepada kaedah penetapan harga berasaskan pasaran pada 2016 dimana premium akan mencerminkan risiko yang ditanggung. Untuk tujuan ini, industri meramalkan BNM, dalam tahun 2015, akan mengumumkan rancangan hala tuju yang menggariskan pendekatan yang perlu diambil untuk mencapai sepenuhnya penetapan harga berasaskan pasaran.

Pada 2014, BNM juga menerbitkan kertas konsep bertajuk "Pendekatan Mengawal Selia dan Menyelia Kumpulan Kewangan" untuk rundingan awal tentang piawaian modal dan berhemat untuk bank dan syarikat pegangan insurans/takaful ("Kumpulan Kewangan"), menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA"). Setakat ini, BNM belum mengeluarkan piawaian akhir bagi bidang ini.

Bagi operasi luar pesisir, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan ("Labuan FSA") mengeluarkan Kertas Rundingan mengenai "Rangka Kerja Kecukupan Modal Insurans" ("ICAF") pada Januari 2014 bagi industri insurans di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Kertas Rundingan mengesyorkan penggantian keperluan Margin Kecairan dengan rejim Modal Berasaskan Risiko yang akan dilancarkan mengikut fasa apabila piawaian berhemat tersebut telah dimuktamadkan.

Kesemua perubahan peraturan dan cadangan yang dikemukakan ini, apabila dilaksanakan kelak akan mengubah dan menentukan cara pengendali insurans dan takaful di Malaysia menjalankan perniagaan, dengan penekanan khas terhadap cara mereka menguruskan risiko dan modal, melindungi kepentingan pengguna dan meningkatkan kecekapan operasi untuk mengurangkan kos.

Akhir sekali, Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") yang berkuat kuasa pada 1 April 2015 ternyata akan memberi kesan terhadap sektor insurans dan takaful dan juga pengguna secara keseluruhannya. GST pada kadar ditetapkan semasa 6% akan dikenakan terhadap premium untuk perubatan, penyakit kritikal, kemalangan peribadi, insurans am dan perniagaan takaful am, sebagai kadar standard untuk barangan dan perkhidmatan. Perniagaan insurans hayat dan takaful keluarga dikategorikan sebagai barangan dan bekalan bertaraf dikecualikan, kecuali bagi kos bulanan insurans untuk polisi berkaitan pelaburan dan rider perubatan, penyakit kritikal dan kemalangan peribadi akan dikenakan GST. Selain daripada itu, semua yuran dan caj berkaitan perkhidmatan pentadbiran juga akan dikenakan GST.

PROSPEK

Untuk tahun 2015, walaupun mengharungi persekitaran ekonomi luar yang mencabar, BNM telah mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, antara 4.5% dan 5.5%, yang dipacu terutamanya oleh perkembangan mampan dalam permintaan domestik dan eksport.

Kumpulan akan terus menghadapi persaingan sengit dalam persekitaran operasi takaful disebabkan peraturan baru yang digubal, seterusnya mengetatkan piawaian berhemat dan inisiatif liberalisasi pasaran oleh pihak berkuasa kawal selia. Namun begitu, Kumpulan komited untuk mempercepatkan pertumbuhan mampan perniagaan takaful dan juga memberi tumpuan untuk kembali mencatatkan keuntungan menerusi piawaian taja jamin yang ditambah baik, penetapan semula harga produk dan kawalan kos yang berkesan. Untuk tujuan ini, Kumpulan juga akan merangka strategi struktur optimum untuk memisahkan perniagaan takaful keluarga dan takaful am MAAT seperti yang disyaratkan di bawah ISFA. Penanggung insurans komposit berlesen dan pengendali takaful diberikan tempoh ihsan lima tahun (5) tahun mulai Jun 2013, untuk memisahkan perniagaan takaful hayat/keluarga dan perniagaan am/takaful am kepada entiti berasingan.

Pada masa yang sama, inisiatif pengurusan modal Kumpulan perlu mematuhi peraturan baru dan piawaian berhemat dan pengurusan modal yang ditetapkan oleh BNM.

Mengenai status PN17 Syarikat, memang Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengekalkan status penyenaaraan Syarikat. Justeru, Syarikat telah, pada 30 Januari 2015, mengemukakan permohonan kepada Bursa Securities untuk lanjutan masa bagi mematuhi Perenggan 8.04(3) dan nota amalan PN17 Keperluan Penyenaaraan. Pada 23 Mac 2015, Bursa Securities telah memberikan lanjutan masa sehingga 30 Jun 2015 untuk Syarikat mengemukakan rancangan penyusunan semula.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pasukan Pengurusan dan Kakitangan diatas komitmen, dedikasi dan sumbangan mereka untuk memastikan pertumbuhan dan kejayaan berterusan Kumpulan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami kepada pelanggan, ejen, sekutu perniagaan dan pemegang saham kami kerana sokongan, keyakinan dan kepercayaan tidak berbelah bahagi mereka terhadap kami.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli Lembaga Pengarah kerana panduan dan sumbangan mereka kepada Kumpulan.

TUNKU DATO' YA'ACOB BIN TUNKU TAN SRI ABDULLAH

Pengerusi Eksekutif